

## SURAH WAKTU SUBUH



Surah: 113 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 5

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Katakanlah (wahai Muhammad):  
«Aku berlindung kepada Tuhan  
Yang menguasai subuh.
2. Daripada kejahatan (makhluk)  
yang Dia ciptakan.
3. Dan daripada kejahatan malam  
apabila telah gelap-gelita.
4. Dan daripada kejahatan  
perempuan-perempuan tukang  
sihir yang menghembus pada  
simpulan.<sup>(1)</sup>
5. Dan daripada kejahatan orang  
yang dengki apabila dia  
berdengki».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾

وَمِنْ شَرِّ عَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

1 Kebiasaannya tukang-tukang sihir dalam melakukan sihirnya mereka membuat simpulan daripada tali, lalu membacakan jampi-jampi dengan menghembuskan nafasnya ke simpulan tali tersebut.